

Headline Pernim teruskan misi hulur bantuan
Date 06. May 2009
Media Title Sinar Harian
Section Selangor & KL
Circulation 60000
Readership 0
Language MALAY
Page No S11
Article Size 292 cm2
Frequency Daily
Color Full Color
AdValue 1606.33



Pernim teruskan misi hulur bantuan

KAMARUL HALIM M KAMAL

CHERAS BARU - Persatuan Kebajikan Anak Pesakit HIV/AIDS Nurul Iman Malaysia (Pernim) yang ditubuhkan pada 17 Mac 2004 akan tetap meneruskan usaha mereka membantu golongan yang kurang berkemampuan.

Golongan yang perlu dibantu ini adalah terdiri daripada anak-anak yatim, kanak-kanak yang sakit dan juga ibu-ibu tunggal yang tidak berkemampuan untuk menyara keperluan hidupnya dan anak-anak di bawah jagaannya.

Selain itu, Pernim ini juga menempatkan anak-anak yang kematian ibu bapa kerana HIV/AIDS serta anak terbiar, dan gadis teraniaya.

Pembantu Yang Dipertua Pernim, Lanna Kanagi, 36, berkata pusat perlindungan ini akan tetap beroperasi walau apa yang terjadi ke-

rana matlamat dan misi utama penubuhannya adalah untuk membantu mereka yang kurang mampu.

Menurutnya, sudah menjadi satu tanggungjawab bagi seseorang masyarakat yang sihat yang cukup sifat-sifatnya serta berkemampuan untuk membantu mereka yang amat memerlukan dan melakukan kerja amal ini.

beri perlindungan

"Kasih sayang, sokongan moral, belajar bertikari dan membina jati diri yang berjaya dengan cemerlang di dunia dan akhirat juga diterapkan kepada mereka ini.

"Saya tidak mahu melihat mereka ini terbiar dan terasing di kalangan masyarakat terutamanya mereka yang menghadapi HIV dan AIDS dan akan terus mem-

bantu Pernim ini mencapai misinya," katanya.

Sementara itu, beliau yang mendapat sokongan daripada pengasas Norlina Alawi untuk terus tabah dan sabar melayan karenah penghuni-penghuni Pernim ini terutamanya kanak-kanak.

"Kita perlulah sabar melayan karenah-karenah mereka jika hendak menjadi seorang yang terlibat dengan kerja-kerja kebajikan seperti ini.

"Jangan cepat hilang sabar dan tidak dapat mengawal kemarahan dengan karenah yang di tunjukkan oleh penghuni-penghuni rumah kebajikan ini, saya menganggapnya sebagai keluarga saya sendiri," katanya.

Beliau berharap agar seluruh masyarakat di Malaysia ini berganding bahu bersama-sama untuk membantu mereka yang me-



● Antara kanak-kanak yang mendapat perlindungan di Pernim.

merlukan dan cukup terharu jika ada individu yang mempunyai cita-cita menolong mereka yang memerlukan.

Beliau juga akan berkongsi maklumat dan pendapat, dengan pusat-pusat perlindungan yang lain un-

tuk penambahbaikan pusat ini.

Beliau juga berharap janganlah ada masyarakat yang memandang serong dengan apa yang dilakukan oleh pusat kebajikan ini kerana tujuannya adalah un-

tuk membantu sematamata.

Beliau juga menyatakan pesakit-pesakit HIV dan AIDS tidak perlulah dipandang hina dan juga perlu mendapat layanan seperti manusia lain.